



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

25 MAC 2021 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EKRAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

25 MAC 2021 (KHAMIS)



365 hari menerajui KPDNHEP

Alexander sifatkan tempoh setahun penuh cabaran



Tempoh setahun menerajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merupakan perjalanan yang terasa panjang dan sangat mencabar buat Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Sebaik sahaja diberikan amanah untuk mengetuai kementerian itu, beliau terus

diuji dengan cabaran tidak terduga yang melanda bukan sahaja negara, malah seluruh dunia iaitu pandemik Covid-19.

Namun begitu, selepas 365 hari melaluinya, Alexander mengakui beliau dengan kerjasama erat pasukannya berjaya bertahan dan mengaharungi semua ujian dengan sebaiknya.

Ikuti temu bual media secara maya bersama beliau sempena ulang tahun pertama pentadbirannya di KPDNHEP.

Oleh HASNIZA HUSSAIN

PUTRAJAYA

SINAR HARIAN: Sepanjang setahun Datuk Seri menerajui KPDNHEP, boleh kongsi cabaran-cabaran yang dihadapi dalam tempoh tersebut?

ALEXANDER: Saya bersyukur kerana diberi peluang menyertai Kabinet dan berterima kasih kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang memberi kepercayaan kepada saya untuk menggalas tugas penting di kementerian ini.

Tahun pertama menerajui KPDNHEP memang sangat mencabar apabila Covid-19 melanda dan kita terpaksa menghadapinya dalam keadaan tidak bersedia.

Saya terkejut dengan situasi berlaku kerana kita tidak mempunyai pengalaman. Pada masa sama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama dilaksanakan pada 18 Mac 2020.

Ketika itu, ujian terbesar KPDNHEP adalah untuk menangani situasi panik di beberapa lokasi dalam negara.

Rakyat yang salah sangka kerana menyamakan PKP dengan perintah berkurung menyerbu pasar raya untuk mendapatkan barangan dan menyimpan stok keperluan asas. Mereka juga membeli produk sanitasi tangan serta pelitup muka yang sangat diperlukan pada masa tersebut.

Tidak cukup dengan itu, isu berkaitan stok dan harga pelitup muka di pasaran juga banyak menguji kami.

Ada peniaga yang sorok stok bekalan pelitup muka kerana permintaan sangat tinggi dan mengambil kesempatan untuk kaut untung dengan menjualnya pada harga yang tidak munasabah.

Justeru, KPDNHEP menjalankan siasatan dan kita menaikkan harga siling pelitup muka dari 80 sen ke RM2 sebelum menurunkannya pada harga RML50. Tindakan itu mendapat kritikan hebat dan dikatakan tidak prihatin atau tidak sensitif terhadap pengguna.

Langkah itu sebenarnya bertujuan menghalang eksport supaya pengilang memberi keutamaan kepada bekalan dalam negeri untuk rakyat Malaysia.

Malah dengan strategi itu kita berjaya meredakan keadaan. Walaupun dikritik, kami gembira kerana matlamat untuk memastikan ketersediaan pelitup muka ke dalam pasaran telah tercapai.

Berbanding PKP pertama, pengguna lebih cemas terutama dalam aspek pembelian barangan keperluan asas tetapi ia berbeza pada PKP 2.0. Apakah ini disebabkan peranan KPDNHEP dalam memupuk kesedaran dalam kalangan pengguna?

Betul, saya akui situasi pengguna amat berbeza pada PKP pertama dan PKP 2.0.

Kesedaran pengguna sendiri yang kini lebih bijak dalam mengatur perbelanjaan dan menguruskan pembelian mereka adalah hasil daripada advokasi berterusan oleh Unit Komunikasi Korporat KPDNHEP menerusi media arus perdana serta media sosial.

Ia diikuti dengan pembuktian kerja keras barisan hadapan pegawai penguat kuasa KPDNHEP yang tidak kenal penat untuk menjamin bekalan dan harga barangan stabil, di samping mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Malah kementerian membuka pelbagai saluran untuk rakyat mengemukakan cadangan serta aduan menerusi telefon, WhatsApp dan aplikasi lain.

Dari situ kita menerima banyak aduan dan teguran termasuk syor yang ke-

mudiannya kita gunakan dan terjemahkan ke dalam pelan tindakan kami.

Sebab itu penguatkuasaan KPDNHEP sangat berkesan.

Setahun bersama kerajaan Perikatan Nasional (PN), apakah yang boleh dikongsi mengenai prestasi PN ketika ini selepas mengambil alih pentadbiran kerajaan semasa penularan wabak Covid-19?

Saya sangat berbangga dapat bersama PN dalam kerajaan dan Kabinet. Sebaik kerajaan PN dibentuk, kita dikejutkan dengan penularan wabak Covid-19.

Tumpuan kerajaan yang diketuai Muhyiddin pada masa itu adalah untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan negara serta rakyat terjamin.

Setelah itu, tumpuan diberi sepenuhnya kepada soal pemulihan ekonomi negara dan rakyat.

Malah, semua menteri Kabinet setiap hari bermesyuarat dari jam 9 pagi hingga ke 12 tengah hari atau lebih lama lagi untuk membincangkan pelbagai perkara sebelum keputusan yang dicapai dimaklumkan kepada rakyat.

Setiap perkara dibincangkan secara terperinci dengan mengutamakan kebajikan rakyat dan negara.

Apakah bentuk pemeriksaan yang dilakukan penguat kuasa KPDNHEP sepanjang tempoh PKP dan apakah hasilnya?

Penguat kuasa KPDNHEP merupakan barisan hadapan ekonomi domestik negara. Mereka melaksanakan pemeriksaan rutin terhadap bekalan barangan keperluan setiap hari.

Dengan bantuan pegawai pemantau harga, mereka berganding bahu memeriksa harga barangan dan memastikan tiada elemen pencatutan dilakukan peniaga.

Berdasarkan maklumat dan aduan

yang diterima, pasukan ini akan memeriksa premis dan kawasan tertentu bagi memastikan aduan itu benar dan perlunya tindakan dari segi nasihat, amaran atau kompaun.

Dengan data dan fakta yang kita ada, setakat ini lebih ribuan siasatan dan pemeriksaan telah kita lakukan di premis-premis di bawah KPDNHEP seperti premis borong dan runcit.

Pemeriksaan ketiga adalah pematuhan SOP sektor peruncitan dan pengedaran oleh semua premis perniagaan. Malah berdasarkan statistik, kita berjaya mencapai 98 peratus pematuhan SOP.

Bagaimana dengan bekalan makanan, apakah KPDNHEP pasti ia mencukupi?

Di peringkat kerajaan, kita mempunyai dasar sekuriti makanan negara. Kita turut bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Perbincangan akan dibuat untuk memastikan setiap kementerian menjalankan fungsi masing-masing.

KPDNHEP pula bertanggungjawab memantau dalam aspek rantaian bekalan seperti harga bawang tidak naik, berjumpa dengan pengimport dan sebagainya.

Selain itu, kita juga adakan pertemuan dengan pengeluar sayur-sayuran dan buah-buahan, peladang ayam dan telur serta bersinergi dengan MAFI untuk bekalan ikan. Semuanya dilakukan bagi memastikan bekalan makanan tidak terganggu.

Bagi musim-perayaan juga kita sudah bersedia untuk memastikan barangan keperluan makanan sentiasa ada.

Kita mempunyai Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) untuk membuat pemantauan dan menangani masalah yang timbul terutama dari segi harga.

Bagaimanakah kementerian memalinakan peranan dalam membantu usaha memulihkan ekonomi negara?

Banyak. Pertama kita bantukan SOP sektor peruncitan dan pengedaran bagi memastikan semua premis perniagaan boleh dibuka dan beroperasi semula.

Kedua, KPDNHEP melancarkan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) dan Program Jualan Malaysia semasa PKP Pemulihan bagi menggalakkan rakyat keluar berbelanja. Ia bagi memastikan duit berlegar supaya ekonomi berkembang dan pekerjaan dapat diselamatkan.

Tugas KPDNHEP bukan sahaja untuk melindungi pengguna tetapi juga menjaga kepentingan komuniti peniaga.

Di samping itu, agensi di bawah kementerian selain Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti MyCC dan MyIPO turut membantu menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif.

Kita amat menyokong tadbir urus universal, antikatel serta antimonopoli dan sering melakukan penambahbaikan berhubung proses menjalankan perniagaan di negara kita.



PENGUAT kuasa KPDNHEP Kelantan dan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) merampas 881 kilogram minyak masak pelbagai jenama tanpa lesen bernilai RM2,200 di sebuah kondominium, semalam.

Oleh Nor Fazlina Abdul
Rahim
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Seorang lelaki mendakwa membeli sejumlah 881 kilogram minyak masak untuk tujuan kebajikan dan diagihkan kepada golongan memerlukan.

Namun dia yang berusia 49 tahun tidak mempunyai lesen untuk memiliki dan menyimpan barang kawalan itu dalam jumlah banyak, sekali gus menyebabkan ditahan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk siasatan lanjut.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Kelantan, Azanizam Affendi Juri berkata, pihaknya dengan ker-

Minyak 881kg untuk 'derma'

Lelaki ditahan KPDNHEP tidak ada lesen memiliki dan menyimpan barang kawalan

jasama Agensi Kawalan Sempadan, Malaysia (Aksem) sudah mengintip kegiatan lelaki itu selama seminggu sebelum menyerbu lokasi penyimpanan minyak masak terbabit, mulai jam 6 petang kelmarin.

"Lelaki itu menyewa kondominium di sini untuk menyimpan minyak masak

bersubsidi pelbagai jenama yang dianggarkan bernilai RM2,200.

"Berdasarkan soal siasat, dia mendakwa bekalan terbabit dibeli untuk diagihkan sebagai bantuan kepada orang ramai.

"Namun, apa yang menjadi kesalahan lelaki berkenaan tidak mempunyai le-

sen memiliki barang kawalan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Azanizam berkata, suspek didapati membeli minyak masak daripada pasar raya, peruncit dan pemborong sekitar Kota Bharu sebelum bekalan itu dimasukkan ke kotak lain untuk mengaburi mata pihak berkuasa.

Untuk itu dia disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Lelaki itu menyewa kondominium untuk menyimpan minyak masak

Gagal sorok minyak masak

KOTA BHARU - Tindakan seorang lelaki menyorokkan minyak masak tanpa lesen di sebuah kondominium bagi mengaburi pihak berkuasa terbongkar selepas diserbu pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada Selasa.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Kelantan, Azanizam Affendi Juri berkata, operasi bersepadu yang diadakan bersama Agensi Kawalan Semipadan Malaysia bermula jam 6 petang dan berakhir pada jam 3 pagi.

Menurutnya, dalam


serbuan itu, pihaknya menahan seorang lelaki yang disyaki menyewa kondominium itu dan 881 kilogram (kg) minyak masak pelbagai jenama bernilai RM2,200.

“Modus operandi kegiatan ini adalah menjadikan sebuah kondominium di atas sebuah pasar raya di Kota Bharu sebagai tempat transit sementara barang kawalan bersubsidi.

“Minyak masak itu akan diletakkan dalam kotak pelbagai barangan lain bagi mengaburi pihak berkuasa,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.



881 kg minyak masak pelbagai jenama bernilai RM2,200 yang dirampas dalam serbuan di sebuah kondominium pada Selasa.

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam RM5.99	• Telur Gred A RM8.40	• Gula Pasir RM2.95	• Cili Merah RM7.88
	• Daging Lembu Tempatan RM34	• Ikan Kembung RM9.99	• Bawang Besar Holland RM2.89	• Kubis Bulat Tempatan RM2.90
	• Daging Lembu Import RM18.90	• Minyak Masak RM5.30	• Bawang Putih RM5.90	• Tepung Gandum RM2.19
				<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP</small>

RON97 naik tiga sen, RON95 tidak berubah

KUALA LUMPUR - Harga jualan petrol RON97 naik tiga sen seliter ke RM2.50 manakala harga petrol RON95 dan diesel kekal tidak berubah masing-masing pada harga RM2.05 dan RM2.15 bagi tempoh 25 hingga 31 Mac.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan pada Rabu memaklumkan harga baharu itu berdasarkan penetapan harga runcit mingguan produk petroleum menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).


"Bagi melindungi pengguna

daripada peningkatan harga minyak dunia, kerajaan akan mengekalkan harga siling RON95 pada RM2.05 seliter dan diesel pada RM2.15 seliter, walaupun harga pasaran untuk kedua-dua produk telah meningkat melebihi harga siling semasa.

"Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara," kata kenyataan itu.

- Bernama





New fuel prices
March 25 – March 31

RON95	RM2.05 (unchanged)
RON97	RM2.50 (+3 sen)
DIESEL	RM2.15 (unchanged)

The image shows a sign for new fuel prices. It features a red circular logo with a white fuel nozzle icon. The text is in bold black and red. The prices are listed for RON95, RON97, and DIESEL, with their respective changes or stability noted in parentheses.



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

25 MAC 2021 (KHAMIS)

MyCC fokus siasatan penipuan tender

SHAH ALAM - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) kini memfokuskan penyiasatannya pada penipuan dalam tender kerajaan yang bernilai berbilion ringgit.

Menerusi laporan *The Star*, Ketua Pegawai Eksekutifnya, Iskandar Ismail berkata, MyCC telah memulakan tindakan terhadap lapan syarikat teknologi maklumat yang didakwa terlibat dalam tender agensi kerajaan.

"Kami bekerjasama dengan beberapa badan kerajaan seperti Kementerian Kewangan dan yang terbaharu adalah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

"Peranan kami adalah membantu agensi supaya berwaspada dan tidak menjadi sebahagian daripada kartel terbabit," katanya.

Iskandar berkata, MyCC menyasarkan pembelian tender daripada agensi kerajaan bagi mencegah penipuan bidaan dalam proses tender dan membantu mengesan aktiviti kartel berkenaan.

Katanya, sebagai contoh terdapat seorang individu boleh mengemukakan tender yang sama di bawah 10 syarikat yang berbeza.

Katanya, beberapa pembida juga bekerja secara serentak bagi memastikan mereka memenangi tender secara bergilir-gilir untuk menghalang pembida lain daripada bersaing.

"Setakat ini, kami telah menyasat ratusan perusahaan dan persatuan. Dari sana, kami menghasilkan banyak keputusan, janji, peringatan, arahan dan resolusi lain," katanya.